

13/07/1998

JPA arah kakitangan percepat urusan

KUANTAN, Ahad - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan semua kakitangan kerajaan mempercepatkan lagi urusan orang ramai sebagai usaha membantu kelancaran pemulihan dan pembangunan ekonomi negara.

Pegawai atau kakitangan itu mesti bersikap mesra sama ada dengan orang awam atau pihak swasta yang sedang berurusan supaya segala kerja dapat dipermudah serta dipercepatkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata kerajaan tidak mahu masalah pentadbiran di jabatan dan agensi kerajaan melumpuhkan usaha memulihkan ekonomi negara.

"Sudah tiba masanya kakitangan perkhidmatan awam menghapuskan kaerendah birokrasi, sebaliknya bersikap proaktif dalam usaha mempercepatkan segala prosedur pentadbiran.

"Apa yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, supaya mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan adalah semata-mata untuk membantu memulihkan segera ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Sungai Ular dan surau sekolah itu, dekat sini, hari ini.

Menurutnya, jika kakitangan awam bekerja lebih kuat, terutamanya ketika berurusan dengan sektor swasta, ia bukan saja dapat membantu pihak berkenaan, malah dapat menyumbang kepada pendapatan negara.

"Ini kerana pihak swasta dapat menggiatkan lagi kegiatan ekonomi mereka dan keuntungan yang diperolehi mereka juga akan memberi hasil kepada kerajaan," katanya.

Fauzi berkata, masalah kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan dilaporkan Biro Pengaduan Awam (BPA) berdasarkan banyak aduan yang diterima.

Oleh itu, katanya kerajaan sangat berharap kakitangan kerajaan menambahkan kecekapan ketika menjalankan tugas bagi mengelakkan sebarang masalah.

"Bagi kakitangan yang kurang cekap, kita akan mengaturkan kursus supaya mereka dapat mempelajari cara terbaik untuk berurusan dengan orang ramai, sekali gus menangani masalah kelewatan memproses sesuatu urusan atau permohonan projek," katanya.

(END)